

BAB. I

BAB. I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Di dalam bab pendahuluan ini penulis akan menghuraikan secara garis besar tentang latar belakang masalah, pengertian tajuk, perumusan masalah, objektif penulisan, metodologi penyelidikan dan susunan penulisan.

1.2. Latar Belakang Masalah Kajian

Imam al-Tabarī merupakan nama salah seorang tokoh terkemuka dalam dunia Islam. Beliau sejajar dengan Imam al-Turmudī dan al-Nasā'ī dalam bidang hadith dan sejajar dengan Imam al-Syāfi'i dan Abū Hanīfah dalam bidang *fiqh*, bahkan beliau dikatakan sebagai seorang mujtahid mutlak.¹ Beliau juga telah membangunkan mazhabnya sendiri yang dikenali dengan mazhab *al-Jarīrī*.² Beliau dilahirkan dalam keluarga yang berpendidikan dan juga kaya pada awal dekad ke 3 H. Secara tepatnya pada penghujung tahun 224 H, atau awal tahun 225

¹ Iaitu seseorang yang melakukan ijtihad secara tersendiri sama ada dalam *uṣūl*, *furu'*, istinbāt (pengambilan) dalil, mensahehkan dan melemahkan hadith dan sebagainya. Muḥammad Ḥasan Ḥitū (1988), *al-Ijtihād wa Ṭabaqāt Mujtahiday al-Syāfi'iyyah*, c. 1. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 17.

² Mazhab *al-Jarīriyyah* ialah sebutan kepada pengikut Muhammad bin Jarir al-Tabarī, iaitu nama mazhab yang dibangunkan oleh beliau sendiri, salah seorang pengikutnya ialah Abū al-Farāj al-Mu'āfi bin Zakariyyā' al-Jarīrī. 'Iz al-Dīn Ibn Athīr (t.t.), *al-Lubāb fī Tahdhīb al-Ansāb*, j. 1. Baghdād: Maktābah al-Muthannāh, h. 276.

H bersamaan dengan tahun 839 M, atau tahun 840 M, di bandar Amūlī,³ di wilayah Ṭabaristān,⁴ dan meninggal dunia di Baghdād pada tahun 310 H.

Ibn Kāmil salah seorang murid kepada Imam al-Ṭabārī sempat menanyakan kepadanya tentang keragu-raguan beliau berkaitan tahun kelahirannya, “bagaimana anda masih ragu-ragu berkenaan dengan tahun kelahiran anda sendiri”? jawab Imam al-Ṭabārī, “penduduk kampung kami hanya mencatatkan peristiwa yang terjadi tanpa mencatatkan tahun secara pasti, maka akupun mencatatkan tahun kelahiranku dengan peristiwa yang terjadi di kampung aku ketika itu. Sewaktu aku dewasa, aku menanyakan hal itu kemudian mereka berselisih pendapat, ada yang mengatakan akhir tahun 224 H ada juga yang mengatakan awal tahun 225 H.”⁵

Husayn al-Dhahabī dalam kitabnya *“al-Tafsīr wa al-Mufassirūn”* ada mengatakan, nama lengkap beliau ialah Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr bin Ghālib al-Ṭabārī,⁶ nisbah kepada wilayah Ṭabaristān, iaitu nama sebuah wilayah yang mencakupi beberapa negeri. Manakala negeri yang terbesar adalah Amūlī,⁷ terletak di sebelah selatan laut Kaspia dan sebelah timur laut kota Tehran, ibu negara Iran.

³ Iaitu nisbah kepada Amūlī Ṭabaristān. Wilayah tersebut ramai melahirkan ulama dalam berbagai disiplin ilmu, secara umum mereka menisbahkannya dengan al-Ṭabārī nisbah kepada Ṭabaristān. ‘Izz al-Dīn Ibn al-‘Athīr (t.t.), *op. cit.*, j. 1. h. 22.

⁴ Iaitu nisbah kepada perkataan *Ṭabāra* sebutan bagi nama sejenis pohon menyerupai pohon tin yang banyak tersebar di wilayah tersebut. Ianya merupakan suatu wilayah berupa gunung-ganang luasnya 7518 M². Ahmad ‘Aṭṭiyah Allah (1976), *al-Qāmūs al-Islāmī*, j. 4, c. 1. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 456.

⁵ Ahmad Muhammed al-Hūfi (1970), *al-Ṭabārī*. Majlis al-A’lā li Syū’ūn al-Islāmiyyah, h. 28.

⁶ Husayn al-Dhahabī (1995), *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, j. 1, c. 6. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 215.

⁷ ‘Izz al-Dīn Ibn al-‘Athīr (t.t.), *op. cit.*, j. 2. h. 274.

Dinisbahkan Imam al-Tabarī kepada wilayah Tabaristān, menunjukan bahawa beliau adalah seorang yang berketurunan Arab asli seperti yang dicatatkan dalam kitab “*Dā’irah Ma ‘ārif al-Islāmiyyah*”. Hal ini berbeza dengan pendapat yang dikemukakan oleh Karl Broklemann dalam kitabnya “*Tarīkh al-Adab al-‘Arabi*”, yang mengatakan, bahawa beliau berketurunan asal ajam.⁸

Imam al-Tabarī merupakan ulama produktif yang menghasilkan banyak tulisan dan karangan. Karangan beliau dianggarkan sebanyak 83 buah sama ada berbentuk karangan kecil (*risālah*) ataupun berbentuk kitab. Menurut catatan Imam al-Suyūtī, “beliau mampu menulis sebanyak 40 halaman setiap harinya.”⁹

Salah satu karangan monumental beliau ialah kitab “*Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl ay al-Qur’ān*”. Kitab takwil yang mengandungi banyak maklumat tentang hadith, sejarah, pendapat-pendapat takwil daripada tokoh-tokoh takwil yang ada sebelum beliau dan sebagainya. Untuk itu, Noldeke¹⁰ mengaitkan kitab tersebut dengan berkata “kalaularah kita menemukan kitab ini tentulah kita tidak memerlukan kitab-kitab takwil yang ada selepas kitab takwil beliau.”¹¹ Dengan

⁸ Muhammad Bakar Ismā‘il (1991), *Ibn Jarīr al-Tabarī wa Manhajuh fī al-Tafsīr*, c. 1. Kaherah: Dār al-Manār, h. 11.

⁹ Jalal al-Din ‘Abd al-Rahmān al-Suyūtī (1976), *Tabaqāt al-Mufassirin*, (ed), ‘Alī Muḥammad ‘Umar. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 97.

¹⁰ Ia adalah seorang orientalis Jerman, dilahirkan di Harburg, Jerman, pada tanggal 2 Mac tahun 1836 M, dan meninggal di Karlsruhe, German, pada tanggal 25 Disember 1930. Mendapat pendidikan pada Universiti Göttingen di bawah bimbingan G.H.A. Ewald. Pada tahun 1864, beliau mendapatkan gelaran Proffesor daripada Kiel. Selain sebagai seorang pensyarah, beliau juga seorang penulis aktif tentang Keislaman. Salah satu karya beliau tentang Islam adalah, *Geschichte des Qurān* (1860), *Das Leben Muhammeds* (1863). The Encyclopedia Americana (1958), v. 20. By Americana Corporation, h. 402.

¹¹ Ignaz Goldzler (1983), *Madhāhib al-Tafsīr*. c. 2. Beirut: Dār Iqrā’, h. 108.

merujuk kepada keagungan kitab takwil tersebut Ḥusayn al-Dhahabi mengelarkan beliau sebagai “bapa takwil dan bapa sejarah”.¹²

Kalaualah kita melihat kitabnya, sangatlah unik kitab takwil yang ditulis beliau ini, dalam penulisan kitab tersebut, beliau menggunakan metodologi yang belum pernah dilakukan oleh ulama sebelumnya. Meskipun ada kemiripan dengan metode yang digunakan oleh Yaḥyā bin Salām, tetapi dalam kitabnya, Imam al-Ṭabarī memberikan warna dan corak baru dalam dunia takwil. Contohnya beliau berani memberikan pandangan dan kritikan takwil, hal ini belum pernah dilakukan oleh tokoh-tokoh takwil sebelumnya, sama ada kritikan itu dalam bidang *fiqh*, *qirā'ah* dan sebagainya.

Dari sudut sanad pula, beliau membawakan sanad-sanad hadith yang lemah (*dā'iif*) bahkan ada sanad-sanad yang dianggap pendusta (*kaddhāb*) dan pembohong tanpa disusuli dengan kritik atau komentar tentangnya. Tindakan beliau semacam ini, membawa kepada pertikaian dan perbalahan dikalangan ulama Islam yang lain. Meskipun begitu, beliau mempunyai alasan yang tersendiri walaupun berbeza dengan alasan-alasan yang dipegang oleh kebanyakan ulama-ulama hadith. Menurut Imam al-Ṭabarī, lemahnya sanad atau matan (naskah asli, teks) tidak menjadi persoalan penting, selama mana hadith itu dibawakan dengan sanad yang berangkai dan tidak terputus hingga ke hujung. Hal ini akan menguatkan keyakinan dan ketenangan terhadap hadith atau berita yang

¹² Ḥusayn al-Dhahabi (1995), *op. cit.*, j. 1, h. 216.

dibawakannya. Ungkapan ada menyebut “sesiapa yang menyandarkan sanad maka ianya terlepas dari ikatan janji”.¹³

Berpijak kepada dasar tersebut, tidaklah hairan jika kitab takwil beliau itu dipenuhi dengan bermacam-macam hadith, bahkan menjadi gudangnya cerita-cerita *Isrā’iliyyat*.¹⁴ Di mana ada sesetengahnya bertentangan jelas dengan ajaran Islam. Dari sudut itu, ramai ulama mencela beliau. Dari sudut yang lain, sekiranya mereka mengetahui dasar yang beliau pegang, celaan mereka itu akan hilang dan berubah menjadi pujian dan kekaguman kepadanya. Beliau membawakan cerita-cerita tersebut hanyalah bersifat gambaran bagi melahirkan banyak makna yang terkandung di dalam setiap lafaz daripada lafaz-lafaz al-Qur’ān.¹⁵

Salah satu ciri penyusunan hadith dalam kitab beliau ialah, beliau menyusunnya dengan metodologi *annal* atau dalam bahasa Arabnya diterjemahkan dengan *nizām al-ḥawli*. *Annal*, adalah suatu metodologi yang diertikan dengan buku catatan peristiwa tahun demi tahun, catatan mengenai pengetahuan atau penemuan yang di tulis tahun demi tahun, catatan mengenai karya masyarakat terpelajar yang dilakukan tahun demi tahun.¹⁶

¹³ Hasan al-Bāz (1992), “*Makānah Tārikh al-Ṭabarī fi al-Tadwīn al-Tārikhī ‘ind al-Muslimīn Hattā Nihāyah al-Qarn al-Thālith al-Hijrī*”, j. 2. ISESCO, h. 16.

¹⁴ Perkataan *Isrā’iliyyāt* adalah bentuk jamak daripada perkataan *Isrā’iliyyah*, nisabah kepada Bani Isrā’īl. Sedangkan Isrā’īl itu sendiri adalah gelaran kepada Nabi Ya’qūb a.s. dan Bani Isrā’īl adalah anak-anak dan keturunannya dan berakhir kepada Nabi Mūsā a.s. dan Nabi ‘Isā a.s. Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (1408), *al-Isrā’iliyyāt wa al-Mawdū’āt fi Kutub al-Tafsīr*, c. 4. Kahera: Maktabah al-Sunnah, h. 12.

¹⁵ Abū Ja’far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (t.t.), *Jāmi’ al-Bayān ‘an Ta’wīl ay al-Qur’ān*, (ed), Maḥmūd Muḥammad Syākir dan Ahmād Muḥammad Syākir. Dār al-Ma’ārif, h. 454.

¹⁶ Kamus Dwi Bahasa Inggeris Malaysia (1999). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 48.

Kalaupun makna di atas dikaitkan dengan metode penyusunan hadith beliau dalam kitabnya, ini bermakna Imam al-Tabarī telah menyusun beberapa hadith, pendapat-pendapat yang berkaitan dengan takwil sesuatu ayat atau berkenaan dengan peristiwa sejarah. Kemudian beliau meletakkannya di suatu tempat dan disusun pula secara rapi dan sistematik. Dengan cara itu, Imam al-Tabarī mengharapkan kepada setiap pembaca agar dapat memudahkan pemahaman mereka dengan melihat beragam hadith, sanad dan pendapat beberapa ulama berkaitan dengan makna atau fahaman tertentu suatu ayat.

Begitu juga dalam mengaitkan bidang tata bahasa Arab. Imam al-Tabarī selalu memaparkan tokoh-tokoh tata bahasa Arab daripada Kufah dan Baṣrah. Kononnya beliau merupakan pengikut kuat aliran tata bahasa Kufah. Dalam kitabnya, beliau sering melontarkan kritikan-kritikan kepada ulama tata bahasa Baṣrah seperti Abū ‘Ubaydah. Selain itu, dibuktikan dengan adanya istilah-istilah tata bahasa Arab Kufah yang selalu beliau gunakan seperti kata *al-rad* (bantah), *tafsīr* (menjelaskan), *ijrā'* (melaksanakan), *wa 'adamih* (tidak ada) dan sebagainya.

Ciri-ciri lain ulama tata bahasa Kufah ialah kurangnya kebebasan. Menurut Aḥmad Amin, “kebanyakan tokoh tata bahasa Khufah sangat menghargai apa yang di terangkan orang Arab sekalipun lemah (*mawḍū‘*)¹⁷ disamping mereka lebih menghormati setiap yang diterangkan oleh orang Arab

¹⁷ Aḥmad Amin (1998), *Duhā al-Islām*. J. 2. al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-Āmah li al-Kitāb, h. 296.

dan membenarkannya untuk digunakan apa yang diguna pakai oleh orang Arab, sekalipun itu tidak bersesuaian dengan kaedah umum tata bahasa.¹⁸

Dalam bidang ilmu *qirā'ah*, al-Farghānī menyebut, bahawa Imam al-Tabarī merupakan salah seorang pengikut *qirā'ah* Ḥamzah al-Zayyāt (156 H),¹⁹ yang dipelajarinya secara lisan kepada Sulaymān bin ‘Abd al-Rahmān bin Ḥammād al-Talhī kepada Khallād bin Khālid al-Sayybānī (220 H) kepada Sulaym bin ‘Isā al-Khūfī (187 H) kepada Ḥamzah.²⁰ Selain melalui jalur Sulaymān, Imam al-Tabarī juga belajar *qirā'ah* Ḥamzah daripada al-‘Abbās bin Walīd ketika berada di Beirut dan kepada Imam Nāfi‘ (169 H) ketika berada di Mesir.²¹

Dalam memilih *qirā'ah* yang tepat, selain berdasarkan kepada bahasa Arab, makna yang fasih serta kaedahnya, Imam al-Tabarī juga menitik beratkan kedudukan ahli *qirā'ah*. Selain daripada itu, beliau juga mempunyai kaedah tersendiri dalam memilih jenis *qirā'ah*. Beliau juga sering merujuk kesesuaian makna yang dipadukan dengan bahasa yang membenarkan dua jenis *qirā'ah* atau lebih selama *qirā'ah* tersebut tidak menyalahi makna ataupun sama ada *qirā'ah* tersebut dibawakan secara mutawatir.²² Menurut Syihāb al-Dīn Abū Syamah,

¹⁸ *Ibid.*, h. 295.

¹⁹ Beliau adalah Ḥamzah bin Ḥabīb bin ‘Imārah. Digelari dengan Abā’ ‘Ammār, meninggal di Hulwān, Mesir pada tahun 156 H. Ibn Qutaybah (t.t.), *al-Ma’ārif*, (ed). Tharwat ‘Ukāsah. Kaherah: Dār al-Ma’ārif, h. 529.

²⁰ Syamā al-Dīn Muḥammad bin ‘Alī Ibn Aḥmad al-Dāwūdī (1972), *Tabaqāt al-Mufassirin*, c. 1. Maṭba‘ah Iṣtiqlāl al-Kubrā, h. 115.

²¹ *Ibid.*, h. 107.

²² *Qirā’ah* mutawatir atau disebut juga dengan *qirā’at masyhūr*, iaitu mana-mana *qirā’at* yang sah sanadnya sekiranya diriwayatkan oleh sanad yang adil dan *dābiq* (teliti, jujur), selaras dengan kaedah bahasa Arab, sesuai dengan salah satu *Mushaf ‘Uthmāni* sama ada dari *qirā’ah* tujuh, sepuluh atau selain daripada mereka dari *qirā’ah* umat yang boleh di terima. Muḥammad ‘Abd al-‘Azīz al-Zurqānī (1998), *op. cit.*, j. 1, h. 430, rujuk juga Abū al-Khayr Muḥammad bin

“setiap *qirā'ah* sejalan dengan tulisan mushaf dengan kebenaran *naql* (al-Qur’ān dan al-ḥadīth) dan kehadirannya menggunakan bahasa Arab yang fasih, maka ianya adalah *qirā'ah* yang benar”²³

Demikianlah huraian ringkas beberapa pandangan dan pendirian Imam al-Tabarī dalam bidang takwil. Beliau di katakan tokoh takwil yang teguh dan kuat dengan pendiriannya, ia akan menoia sebarang takwil yang tidak berasas tidak kira siapapun tokohnya. Atas dasar itu tidak jarang penulis kitab “*Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl ay al-Qur’ān*” itu melontarkan kritikan kepada tokoh-tokoh takwil sebelumnya, selain kelebihannya mengemukakan pendapat yang berlainan dengan tokoh-tokoh terkemuka takwil diikuti alasan-alasan yang lojik. Berangkat dari situlah penulis tertarik mengangkat Imam al-Tabarī seterusnya menjadi tajuk pembahasan utama dalam penulisan disertasi ini.

1.3. Pengertian Tajuk Dan Perumusan Masalah

Tajuk disertasi ini ialah “*Takwil Dan Kesannya Kepada Pengajian Tafsir: Analisis Terhadap Pemikiran Ibn Jarīr al-Tabarī Dalam Mentafsir Ayat-ayat al-Qur’ān*”. Sebelum menjelaskan maksud pengertian tajuk kajian ini, terlebih dahulu penulis akan menghuraikan beberapa istilah yang akan penulis gunakan dalam menyusun tajuk kajian ini. Di antara istilah-istilah itu ialah “takwil”, kesan, pengajian, ayat dan al-Qur’ān.

Muhammad al-Dimasqī (1998). *al-Nathr fi al-Qirā'at al-'Asyr*, j. 2, c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 15.

²³ Badr al-Din Muhammad bin 'Abd Allah al-Zarkasyī (t.t), *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 1. Kahera: Maktabah Dār al-Turāth, h. 331.

Untuk itu, langkah-langkah yang digunakan dalam menjelaskan istilah-istilah di atas, pertama penulis akan memulakan dengan memberikan definisi istilah tersebut secara etimologi kemudian dilanjutkan pengenalan secara terminologi.

Kata “takwil” adalah perkataan Melayu berakar daripada kata bahasa Arab yang berbentuk kata benda atau *masdar* daripada kata *awwala*. Perkataan tersebut bersumber daripada kata dasar ^{أَوْلَى}ٰ^{أَوْلَى}²⁴ yang bermakna kembali atau daripada kata ^{أَبْيَكَنْ} ^{أَبْيَكَنْ}²⁵ bermakna siasat.²⁵ Menurut Socrates,²⁶ “kalaualah kita mengetahui titik perselisihan, maka hilanglah setiap perbezaan”.²⁷ Titik persoalan yang dimaksud ialah asal daripada persoalan yang diperselisihkan.

Adapun definisi takwil menurut pandangan al-Naysābūrī, al-Bughawī dan al-Kawasyī ialah.

﴿الْتَّأْوِيلُ صَرْفُ الْآيَةِ إِلَى مَعْنَى مُوَافِقًا لِمَا قَبْلَهَا وَمَابَعْدَهَا،﴾

﴿تَحْمِيلُ الْآيَةِ، غَيْرَ مُخَالِفٍ لِلْكِتَابِ وَالسُّنْنَةِ مِنْ طَرِيقِ الْإِسْتِبَاطِ﴾

²⁴ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr al-Suyūtī (t.t.), *al-Itqān fi ‘Ulūm al-Qur’ān*, j. 4. (ed), Muḥammad Abū Faḍl Ibrāhīm. Kaherah: Dār al-Turāth, h. 167.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Ia adalah seorang filosof Yunani hidup pada dekad ke 5 s.m. Masyarakat Arab mengenali beliau melalui buku-buku yang di terjemahkan daripada bahasa Suryani dan Yunani. Ahmad ‘Aṭṭiyah Allāh (1976), *op. cit.*, j. 3, h. 388-389.

²⁷ Abū Zahrah (t.t.), *Tārīkh al-Jidāl*, c. 1. Dār al-Fikr al-‘Arabī, h. 8.

Maksudnya:

“Takwil ialah memalingkan makna suatu ayat ke makna lain yang sesuai dengan makna ayat sebelumnya dan sesudahnya yang makna tersebut dimungkinkan oleh ayat selama makna tersebut tidak bertentangan dengan al-Qur’ān dan Sunnah dengan cara istinbat”.²⁸

Selanjutnya istilah kedua dari judul tajuk disertasi ini iaitu “kesan”. Dalam Kamus Dewan, kata kesan atau *effect* dalam bahasa inggeris bermakna tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu yang timbul daripada sesuatu kejadian atau pengaruh akibat daripada menyaksikan, mendengar atau membaca.²⁹ Sebagai contoh, puisi dapat memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca.

Kemudian, istilah selanjutnya adalah kata “pengajian”. Kata itu berakar dari kata “kaji” yang mendapat awalan pe dan ahiran an yang bermaksud usaha atau kegiatan belajar membaca al-Qur’ān, kajian penyelidikan, pelajaran atau perolehan pelajaran yang mendalam atau peringkat tinggi.³⁰ Misalnya pegawai-pegawai akan dihantar untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang bahasa dan sastera ke pusat pengajian tinggi Universiti Malaya.

Sekiranya di gabungkan kata tersebut dengan kata selepasnya iaitu “pengajian tafsir” maka dapatlah difahami dengan maksud proses kegiatan belajar tentang al-Qur’ān melalui penyelidikan dan analisis yang mendalam sebagai usaha memahami al-Qur’ān melalui jalur takwil.

²⁸ Al-Zarkasyī (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 150.

²⁹ Kamus Dewan (2000), c. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 663.

³⁰ *Ibid.*, h. 560.

Seterusnya istilah lain yang perlu penulis jelaskan ialah kata “ayat”. Kata ini secara bahasa bermakna tanda³¹ atau kumpulan,³² dengan bentuk jamak *ayy* atau *āyāt* seperti firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ra‘ad ayat 3 yang berbunyi:

﴿وَهُوَ الَّذِي مَدَّ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَنْهَارًا وَمِنْ كُلِّ
الثُّمُرَاتِ جَعَلَ فِيهَا زَوْجَيْنِ اثْنَيْنِ يُعْشِي أَلْلَلِ الْكَهَارَانِ فِي ذَلِكَ لَأْيَاتٍ لِقَوْمٍ
يَتَكَبُّرُونَ﴾

Maksudnya:

“Dan Dia-lah Tuhan yang membentangkan bumi dan menjadikan gunung gunung dan sungai sungai padanya. Dan menjadikan padanya semuah buah buahan berpasang pasangan, Allah menutupkan malam kepada siang. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan”.

Surah al-Ra‘ad (13): 3.

Sedangkan menurut istilah, kata “ayat” mempunyai makna satu perkataan atau serangkaian perkataan yang merupakan kesatuan yang membawa kepada sesuatu maksud atau beberapa kalimat yang merupakan satu kesatuan maksud,³³ ucapan yang saling berkait hingga ke akhir,³⁴ kumpulan dari al-Qur‘ān yang

³¹ Mujid al-Dīn Muḥammad bin Ya‘qub al-Fayrūza‘ābādī (t.t.), *Qāmūs al-Muhiṭ*, j. 4. Kaherah: Mu’assasah al-Ḥalabi wa Syurakāh li al-Nathr wa al-Tawjī‘, h.301.

³² Al-Suyū‘ī (t.t.), j. 1, h. 187

³³ Kamus Dewan, *Ibid.*, h. 78.

³⁴ Al-Fayrūza‘ābādī (t.t.), *op. cit.*, j. 4. h. 301.

saling berkait satu sama lain hingga ke akhir sama ada panjang atau pendek³⁵ atau satu dari bilangan bilangan di dalam surah-surah.³⁶

Seterusnya istilah “al-Qur’ān”. Al-Qur’ān adalah bentuk *masdar* (kata benda) daripada kata *qara'a* yang bermakna kumpulan dan gabungan.³⁷ Kata tersebut merupakan kepadanan kata daripada kata *qirā'ah* yang membawa makna kumpulan huruf dan kalimah yang saling berkaitan antara satu sama lain dan diucapkan secara tartil.³⁸ Dalam Kamus Dewan, perkataan al-Qur’ān diertikan dengan kitab suci yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muḥammad s.a.w. untuk menjadi panduan hidup manusia di dunia dan di akhirat.³⁹

Berdasarkan kepada definisi di atas, penulis merumuskan bahawa kajian ini menganalisis kitab takwil Imam al-Ṭabarī dari segi pemikiran beliau, pendirian dan sikapnya dalam melakukan takwil kepada ayat-ayat al-Qur’ān. Ini kerana, beliau dianggap tokoh pertama yang mempelopori dasar-dasar ilmu takwil dan sekaligus dianggap moyang atau bapa ulama takwil. Beliau dianggap sebagai tokoh takwil yang sanggup membawa angin perubahan dan wacana baru dalam dunia takwil dengan membawa idea-idea baru dan segar dalam bidang tersebut, meskipun idea baru tersebut dianggap berlawanan dengan tokoh terdahulu. Dalam hal ini, Ibn Taymiyah pernah memujinya. Beliau pernah di tanya “kitab tafsir mana yang lebih dekat dengan al-Qur’ān dan al-Ḥadīth?”, Beliau menjawab

³⁵ ‘Alī bin Muḥammad al-Sayyid al-Syarīf al-Jurjānī (t.t.), *al-Ta’rīfāt*, (ed), ‘Abd Mu’im al-Khīfīn Kaherah: Dār al-Rasyid, h. 49.

³⁶ Al-Suyūṭī (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 188.

³⁷ Mānnā’ al-Qattān (1995), *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, c. 27. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 20.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Kamus Dewan, *op. cit.*, h. 1081.

“bahawa diantara kitab kitab tafsir yang ada pada kita sekarang, tafsir Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī adalah yang paling otentik.⁴⁰

Walaupun kandungan kitabnya banyak berisikan cerita-cerita fiktif (*isrā’ iliyāt*) dan banyak memuat hadith lemah bahkan ada yang palsu, namun, kitab ini tetap menjadi kitab takwil yang populer dan dikenal umum bahkan menjadi rujukan utama setiap ulama takwil terkemuka seperti Imam al-Syawkānī, penulis kitab “*Fatḥ al-Qadīr*”, Ibn Kathīr, penulis kitab “*Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aqīm*”, Imam al-Suyūṭī, penulis kitab “*al-Durr al-Manthūr*” dan lain-lainnya.

1.4. Objektif Kajian

Sepanjang pengkajian ini dijalankan, penulis mengenal pasti beberapa objektif. Diantara objektif-objektif tersebut ialah:

1. Untuk mengkaji dan menganalisis pola pemikiran, sikap dan pendirian Imam al-Ṭabarī di dalam mentafsir ayat-ayat al-Qur’ān.
2. Mengkaji dan menganalisa sejauh mana sumbangan dan pengaruh Imam al-Ṭabarī dalam bidang takwil.
3. Berusaha mencari kelebihan dan kelemahan takwil Imam al-Ṭabarī.
4. Bagaimana sikap dan etika beliau dalam menghadapi pendapat-pendapat ulama salaf⁴¹ dalam memahami tafsir al-Qur’ān.

⁴⁰ Ibn Taymiyah (1998), *Muqaddimah fi Usūl al-Tafsīr*, c. 1. Kaherah: Dār al-Šāhābah li al-Turāth, h. 103.

⁴¹ Perkataan salaf secara bahasa mempunyai banyak makna, salah satu daripda makna tersebut adalah orang-orang yang terdahulu. Sedangkan perkataan salaf menurut istilah ialah suatu tempoh

5. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan Imam al-Tabarī memasukan cerita-cerita *isrā' iliyāt*⁴² dan tasyūl yang bercanggah dengan etika Islam.
6. Alasan apa yang melatarbelakangi Imam al-Tabarī menggunakan gaya takwil literal, nafū (tata bahasa Arab) dan sedikit membahas soal filsafat, mistik dan *fīraq* (sekte atau aliran) Islam.
7. Apakah yang diguna pakai oleh Imam al-Tabarī dalam menolak *qirā'ah* mutawatir.⁴³
8. Mengenal pasti sejauh mana peranan bahasa Arab dan tata bahasanya termasuk syair-syair pra Islam dalam kitab takwil Imam al-Tabarī.
9. Wajarkah Imam al-Tabarī dianggap sebagai seorang ahli hadith?

L5. Kajian Terdahulu

Sebenarnya kajian ini menjurus kajian klasik, maknanya kajian yang tertumpu kepada data-data klasik yang telah banyak dibincang oleh para ulama di dalam beberapa bahagian perbahasannya dan lebih khusus lagi dalam kitab-kitab sejarah. Untuk memantapkan lagi biografi atau sejarah hidup Imam al-Tabarī, penulis merujuk kepada kitab-kitab utama sejarah antaranya kitab “*Siyār A'lām al-Nubalā'*” karya Imam al-Dhahabī, kitab “*Wafayāt al-A'yān*” karya Ibn Khallikān, kitab “*Mu'jam al-Udabā'*” dan kitab “*Mu'jam al-Buldān*” karya Yaqūt al-Ḥamawī, kitab “*Syadharāt al-Dhahab*” karya Ibn Falāḥ, kitab “*Tarīkh*

jangka masa yang telah lalu yang hidup padanya orang-orang soleh. Zamihan Mat Zin Al-Ghari (2001), *Salafiyah Wahabiyah Suatu Penilaian*, c. 1. Malaysia: Terajaya Enterprise, h. 1.

⁴² Lihat h. 5.

⁴³ Iaitu mana-mana *qira'ah* yang di bawakan sekelompok orang daripada kelompok orang yang lain yang tidak mungkin diantara mereka mendustakan antara satu sama lainnya. Sya'bān Muḥammad Ismā'il (1987), *al-Qirā'āt Ahkāmuha wa Maṣādiruhā*. Kaherah: Dār al-Salām, h. 75.

al-Baghdād" karya Khaṭīb al-Baghdādī, kitab "Tadhkirah al-Huffāz" karya Syams al-Dīn al-Dhahabī, kitab "Qāmūs al-Islāmī" karya Aḥmad ‘Aṭṭiyah Allah, kitab "al-Arbā’ īn al-Buldāniyyah" karya Ibn ‘Asyākir, kitab "al-Lubāb fi Tahdhīb al-Ansāb" karya Iz al-Dīn Ibn al-Athīr, kitab "Mu’jam mā Ista’jama min Asmā’ al-Balad wa al-Mawād" karya ‘Abd Allah bin ‘Abd al-‘Azīz al-Bakrī.

Sekalipun dalam perbahasannya mengenai Imam al-Ṭabarī yang dimuat dalam kitab-kitab tersebut tidak begitu lengkap, namun dengan bantuan kitab-kitab yang lain kekurangan tersebut dapat dipenuhi. Untuk mengetahui sifat-sifat pribadi Imam al-Ṭabarī misalnya, penulis mengalami kesusahan untuk mendapatkan data-data tersebut. Setelah menyelongkan satu-demi satu daripada kitab-kitab sejarah yang penulis sebutkan di atas, akhirnya penulis menemukan hal tersebut di dalam kitab "Mu’jam al-Udabā'" karya Yaqūt al-Ḥamawī. Kesulitan yang sama juga ketika mencari data-data tentang judul-judul karya beliau.

Selain itu, penulis juga merujuk kepada kitab-kitab moden atau terbaru yang membincangkan tentang beliau. Dr. Aḥmad Muḥammad al-Ḥūfi dalam bukunya yang berjudul "Imām al-Tabarī". Kitab tersebut diterbitkan pada tahun 1970 M oleh al-Majlis al-A‘lā li Syu’ūn al-Islāmiyyah dibawah pengawasan Muḥammad Tawfiq ‘Uwaydah. Buku ini menjadi pegangan utama oleh penulis untuk mengetahui dasar-dasar dan pandangan Imam al-Ṭabarī. Dalam buku tersebut, al-Ḥūfi membincangkan beberapa aspek yang membawa kepada pembentukan pola berfikir Imam al-Ṭabarī. Dan dalam buku itu juga memuatkan sedikit tentang metodologi Imam al-Ṭabarī dalam menulis kitabnya.

Pada tahun 1991 M, terdapat sebuah buku membahas tentang Imam al-Tabarī yang ditulis oleh Dr. Muḥammad Bakar Ismā‘il. Pada buku tersebut juga turut dibincangkan secara singkat metodologi beliau dalam menulis kitab takwil al-Qur’ān.

3

Turut menjadi rujukan utama penulis ialah buku yang berjudul “*Imām al-Tabarī*”. Buku tersebut merupakan himpunan makalah-makalah yang ditulis oleh sejumlah cendikiawan Islam sempena meraikan dan memperingati tahun kewafatan beliau yang ke 1100 tahun. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah Dr. Muḥammad al-Zuhaylī dengan makalah yang berjudul “*al-Tabarī Faqīhan wa Mujtahidan wa Imāman*”, Dr. Ibrāhīm Muḥammad al-Salqīnī dengan judul makalahnya “*Hayāh al-Tabarī wa Fiqhihī wa Ijtihādih*”, Dr. Muḥammad al-Dasūqī dengan Judul makalahnya “*al-Jānib al-Fiqhiyyī fī Tafsīr al-Tabarī*” dan Dr. Muḥammad Rawwās Qal‘ah Jī dengan judul makalahnya “*Fiqh Muḥammad bin Jarīr al-Tabarī*”.

Para cendikiawan Islam tersebut masing-masing membincangkan ketokohan Imam al-Tabarī dalam bidang *fiqh* dengan menyertakan beberapa contoh hasil pengolahan *fiqh* beliau. Manakala bahagian kedua daripada himpunan makalah-makalah tersebut membincangkan kepakaran beliau dalam bidang sejarah.

Pada pembahasan selanjutnya, buku tersebut membincangkan hal yang berkaitan dengan takwil Imam al-Tabarī yang ditulis oleh Dr. ‘Umar al-‘As‘ad dengan makalah yang berjudul “*al-Tabarī al-Mufassir*”. Dalam perbahasannya,

beliau lebih banyak menilai takwil Imam al-Tabarī dari sudut kepakaran beliau dalam mengolah makna melalui pendekatan bahasa. Misalnya pada salah satu fasal yang bertajuk “*al-Dalālāt al-Lughawiyah Ahammiyah Bālighah ‘ind al-Tabarī kamā waradat ‘an al-‘Arab fi Nathrihim wa Sya’irihim*”⁴⁴

Seterusnya makalah yang ditulis oleh Dr. Kāsid Yāsir Ḥusayn al-Zabidī yang berjudul “*al-Tabarī al-Mufassir al-Nāqid m'a Muwāzanaḥ bi Mufassirin Mu'asirin lah*”. Makalah tersebut cuba melihat dasar-dasar yang digunakan oleh Imam al-Tabarī dalam mengkritik pendapat-pendapat takwil yang dikemukakan oleh ulama-ulama sebelumnya. Salah satu dasar beliau ialah berpegang kepada zahir al-Qur'ān. Kemudiannya, perbahasan dilanjutkan dengan membandingkan takwil Imam al-Tabarī dengan tafsir “*Mafātiḥ al-Ghayb*” karya Imam Faḥr al-Dīn al-Rāzī, tafsir “*Baḥr al-Muhiṭ*” karya Ibn Ḥayyān, tafsir “*Rūḥ al-Ma'āni*”, karya Imam al-Alūsī dan tafsir “*Jāmi‘ Aḥkām al-Qur'ān*” karya Imam al-Qurṭubī.

Makalah yang ditulis oleh Laylā Tawfiq al-‘Umari yang berjudul “*al-Tafsīr wa al-Syi'r al-Jāhili*”. Dalam perbahasanya, beliau mengupas sikap al-Qur'ān terhadap syair dan kepakaran serta penguasaan Imam al-Tabarī dalam bidang tersebut.

Kitab yang berjudul “*Imām al-Tabarī Syaykh al-Mufassisrīn wa 'Umdah al-Mu'arrikhīn wa Muqaddam al-Fadā' al-Muḥaddithīn*” yang ditulis oleh Dr.

⁴⁴ Petunjuk-petunjuk makna melalui bahasa merupakan faktor yang amat penting bagi Imam al-Tabari seperti yang diterangkan oleh orang arab melalui prosa dan syair-syair mereka.

Muhammad al-Zuhayli dan dicetak Dār al-Qalam, Damsyiq pada tahun 1999 M juga membincangkan kepakaran beliau dalam bidang takwil.

Selain berpegang kepada buku-buku utama yang secara khusus membincangkan tentang Imam al-Tabarī, penulis juga berpegang kepada kitab-kitab lain yang membincangkan tentang beliau sebagai melengkapi data analisis. Antaranya buku “*al-Tafsīr wa al-Mufaaṣirūn*” karya Husayn al-Dhahabī, “*al-Fihrisāt*” karya Ibn Nadim, “*Madhāhib al-Tafsīr*” karya Ignas Goldzier dan lain-lainnya.

1.6. Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan bermaksud ilmu tentang cara mengadakan penelitian.⁴⁵ Metode memainkan peranan penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek sasaran penelitian⁴⁶ Suatu penyelidikan akan bermutu apabila metod-metod yang di gunakan tepat dan sesuai dengan objek dan tujuan penyelidikan.

Pada dasarnya, kajian ini merupakan kajian bahan-bahan tertulis, hasil fikiran dan kajian perpustakaan (*library research*) yang berbentuk deskriptif dan analitis. Data-data tersebut itu diperolehi daripada bahan-bahan yang berbentuk dokumen seperti buku, jurnal, catatan-catatan (*risālah*), ahkbar-akhbar dan sebagainya, sama ada dalam bahasa Arab, Melayu mahupun bahasa Inggeris.

⁴⁵ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penelitian*, Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, h. 51.

⁴⁶ Koentjaraningrat (1982), *Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Gramedia, h. 16.

Dalam menyempurnakan kajian ini, penulis akan menggunakan 2 metode utama iaitu:

- a. Metode Pengumpulan Data
- b. Metode Analisis Data

Selain daripada itu, dalam beberapa bahagian perbahasan, penulis turut menumpukan kepada kesan budaya kepada takwil terutamanya ketika membahaskan corak pemikiran Imam al-Tabari. Ini kerana, penulis amat yakin bahawa budaya persekitaran banyak mempengaruhi karya seorang penulis.

1.6.1. Metode Pengumpulan Data

Dalam usaha mengumpulkan data, penulis telah sedaya upaya untuk mendapatkan beberapa banyak sumber-sumber utama. Sumber-sumber tersebut kebanyakannya merupakan sumber primer (*primary material*), yang banyak merujuk kepada karya-karya utama Imam al-Tabari sendiri dan pendapat-pendapat para ulama yang dikutip daripada beberapa sumber. Selain daripada itu, penulis juga menggunakan data-data dari sumber-sumber sekunder. Dengan demikian, diharapkan agar disertasi ini akan mempunyai nilai yang dapat di pertanggungjawabkan dari sudut akademik, objektif, dan validnya sebagai karya sebuah ilmiah.

Semasa pengumpulan data-data tersebut, penulis menggunakan metode dokumentasi, iaitu mengumpulkan data-data yang telah diperoleh. Metode ini

amat membantu penulis bagi mendapatkan informasi dan maklumat-maklumat yang akurat dan tepat.

1.6.2. Metode Analisis Data

Data-data yang telah diperolehi, seterusnya dianalisis dengan menggunakan metode induktif dan deduktif. Metode induktif iaitu cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus uantuk sampai kepada dalil umum.⁴⁷ Metode ini juga digunakan hampir dalam semua bab. Di mulai dari bab pertama yang merupakan pendahuluan, penulis menghuraikan definisi dari istilah-istilah yang di gunakan dalam tajuk disertasi ini. Kemudiannya, dari pengertian tersebut terangkum pula dalam bentuk yang lebih luas dan umum yang dapat membantu merumuskan masalah yang akan dikaji.

Penulis juga menggunakan metode ini dalam bab kedua, iaitu untuk menjelaskan tentang biografi Imam al-Tabarī, latar belakang pendidikan, keluarga dan sebagainya. Selanjutnya disusuli dengan bab ketiga, juga tetap menggunakan metode tersebut untuk mengupas tentang sejarah takwil, makna takwil dan tafsir serta perbezaannya. Bab keempat membincangkan kesan takwil, yang merangkumi kesan negatif dan kesan positif semenjak wujudnya takwil. Diteruskan pada bab selanjutnya iaitu bab kelima. Pada bab ini, penulis menghuraikan pemikiran takwil Imam al-Tabarī, sikapnya, pendiriannya ketika

⁴⁷ Peter A. Angeles (1981), *A Dictionary Of Philosophy*, London: Harper and Row Publisher, h. 132.

melakukan takwil kepada ayat-ayat al-Qur'ān yang dirangkum dalam tajuk analisis terhadap pemikiran Imam al-Ṭabarī. Bab selanjutnya iaitu bab keenam yang merupakan penutup kepada perbahasan disertasi ini yang didalamnya berisi rangkuman daripada bab-bab sebelumnya.

Adapun metode deduktif iaitu suatu cara menganalisis data dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap dalil khusus.⁴⁸ Metode ini banyak digunakan oleh penulis dalam menganalisis data-data yang ada yang berkaitan dengan perbahasan takwil Imam al-Ṭabarī. Seterusnya diharapkan agar hasil analisis itu dapat dibuat kesimpulan secara akurat, tepat dan baik.

1.7. Sistematika Penulisan

Kajian ini mengandungi enam bab. Ia didahului dengan bab pertama yang merupakan pendahuluan kepada penulisan disertasi ini. Didalam bab ini, penulis telah menghuraikan tentang latar belakang masalah, pengertian tajuk dan perumusan masalah, objektif kajian, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Seterusnya dilanjutkan dengan bab kedua. Bab ini, membincangkan tentang biografi Imam al-Ṭabarī, latar belakang keluarga, pendidikan, budaya sosial, politik, perkembangan masyarakat dan sebagainya. Berdasarkan kepada

⁴⁸ *Ibid.*, h. 55.

faktor-faktor tersebut, diharapkan dapat membantu menganalisis agar dapat mengenal pasti pola berfikir Imam al-Tabarī sewaktu menyusun kitab takwilnya.

Seterusnya memasuki kepada bab ketiga. Dalam bab ini, penulis akan membincangkan sejarah perkembangan takwil, makna takwil, tafsir dan perbezaan di antara keduanya dan bagaimana makna kedua istilah tersebut dilihat dari sudut pemakaianya dalam al-Qur'ān. Perbahasan selanjutnya, penulis akan membincangkan makna takwil dan tafsir menurut Imam al-Tabarī yang dirangkum dalam tajuk utama iaitu "Tinjauan Secara Teori Terhadap Makna Takwil Dan Tafsir".

Pada bab keempat, penulis turut membincangkan kesan takwil sama ada kesan secara negatif ataupun kesan secara positif, disusul dengan bab kelima yang merupakan intipati daripada penulisan disertasi ini. Dalam bab ini, penulis akan membuat analisis pemikiran Imam al-Tabarī dalam mentakwil ayat-ayat al-Qur'ān. Seterusnya, penulis akhiri dengan bab keenam yang merupakan penutup kepada keseluruhan penulisan ini. Dalam bab ini, penulis akan membuat kesimpulan umum daripada keseluruhan perbahasan-perbahasan yang dimuat dalam disertasi ini.

Dan perlu diingat, pada keseluruhan perbahasan, penulis menggunakan istilah takwil yang bermakna tafsir untuk diseragamkan dengan tajuk disertasi ini kecuali pada bab ketiga di mana penulis masih menggunakan istilah tafsir dan takwil untuk menganalisis agar dapat mengenal pasti perbezaan antara kedua-dua istilah tersebut.

Selain daripada itu, dalam penulisan, penulis mengekalkan perkataan "takwil" mengikut kaedah bahasa Melayu Malaysia yang disempurnakan sama ada kata tersebut mendapat awalan atau akhiran selain untuk nama-nama kitab, penulis mengekalkan kata tersebut dengan menuliskannya *Ta'wil* dengan *italic* (miring).